

Bentuk Negara Khalifah Dalam Islam

(Sambungan Qalam bilangan 206)

Menurut pandangan ahli fikir dan negarawan dunia umumnya, khususnya golongan Komunis, menganggap bahawa agama itu sebagai “racun” yang mematikan semangat perlawanan rakyat kepada golongan pemerintah yang menindas rakyat dalam negara, menyebabkan agama harus dilemparkan keluar dari pagar negara....

(Oleh: Abdul Kahar Muzakir)

2. Kekuasaan Negara.

Apabila kita membicarakan soal kekuasaan negara, maka kita selalu berjumpa dengan persoalan kedaulatan, demokrasi.

Persoalan ini sudah lebih kurang empat ratus tahun lamanya diributkan oleh manusia, dan sangat ramai dibicarakan oleh masyarakat dunia sejak dari zaman Revolusi Perancis tahun 1789 yang memakai obor (tema) “Demokrasi Rasio” ajaran Montesquieu dan J.J.Rousseau.

Penulis-penulis, ahli-ahli fikir, negarawan-negarawan Barat sudah sangat banyak menulis buku-buku dalam persoalan ini, dan juga tidak ketinggalan para alim ulama Nasrani dan para negarawan Komunis menulis pula banyak buku-buku dalam persoalan ini, yang kesemuanya (tiada dikecuali) meletakkan kekuasaan negara itu pada kekuasaan “ratio”.

Salah satu kebingungan golongan alim ulama Nasrani mendudukkan kekuasaan negara ini, ialah yang pernah

diperlihatkan oleh sejarah kekuasaan gereja *Catholic*, di mana “Santa Paus” mendudukkan dirinya sebagai wakil tuhan, dan manusia diikat dengan semangat kebangsaan *universalism*, yaitu cita-cita persatuan dan kerukunan hidup seluruh manusia dengan tiada menghiraukan kehidupan bangsa dan golongan manusia.

Kekalutan fikiran alim-ulama dan umat Nasrani dalam cita-cita kebangsaan *universalism* itu tidak dihairankan, sebab ada tiga pokok soal yang menjadi sumber kekalutan fikiran mereka, yaitu:

Pertama: Agama Nasrani hanyalah dikhususkan oleh tuhan menjadi agama Banī Israel, dan bukan agama yang meliputi segenap lapisan umat manusia di muka bumi ini.

Kedua: Di dalam ajaran agama Nasrani tidak ada ajaran kebangsaan dan kenegaraan.

Ketiga: Ajaran agama Nasrani yang mengenai keesaan Tuhan, kedaulatan Tuhan dan kekuasaan Tuhan atas

ditukar gantikan oleh nabi palsu “Paulus” dan murid-muridnya.

Itulah sebabnya maka jangankan kebangsaan negara, bahkan kekuasaan Tuhan atas segala segi hidup manusia telah diragukan dan sangat membingungkan umat Nasrani, sebagaimana yang kita lihat dalam masyarakat dunia Kristian di hari ini.

Dalam erti kata yang lain memang agama Nasrani itu tidak mempunyai falsafah kekuasaan, falsafah kedaulatan, falsafah demokrasi, falsafah kebangsaan dan falsafah kenegaraan. (Kita meminta banyak maaf atas kata-kata jujur di atas ini).

Ada pun terletaknya kesalahan, kebingungan dan kekalutan fikiran golongan ahli fikir dan negarawan-negarawan Barat, ahli fikir dan negarawan-negarawan Komunis, ahli fikir dan negarawan-negarawan masyarakat dunia lainnya dalam soal “kekuasaan negara” itu terletak pada gelora hidup kebendaan dan hidup punya duniawi, menilai unsur-unsur hidup manusia, dari sudut kebendaan semata-mata,

Bentuk Negara Khalifah

memisahkan kepentingan hidup individu manusia dari agama dan melemparkan agama keluar pagar negara, oleh kerana agama dipandang sebagai candu rakyat.

(Opium¹ of the people).

Demikian pandangan para ahli fikir dan negarawan dunia umumnya, khususnya golongan Komunis, menganggap bahawa agama itu sebagai “racun” yang mematikan semangat perlawanan rakyat kepada golongan pemerintah yang menindas rakyat dalam negara, menyebabkan agama harus dilemparkan keluar dari pagar negara. Sesudah gereja *Catholic* dengan “Santa Paus” yang meletakkan dirinya sebagai wakil tuhan – menemui kegagalan memerintah negara dengan semangat “kebangsaan *universalism*”, maka dunia Barat meletakkan agama dalam negara sebagai soal hidup perseorangan (*private affair*) yang sama sekali tidak mempunyai pengaruh di dalam segala urusan negara, di mana golongan agama dalam negara hanyalah diletakkan sebagai “pemungut derma” sukarela, sebagai “pengemis” meminta belas kasihan negara.

Di sinilah terletak pangkal titik pertemuan antara ahli fikir dan negarawan dunia Barat dengan golongan alim-ulama Nasrani, memisahkan agama dari segala urusan negara, menjelmakan agama Nasrani menjadi “**agama kebendaan, agama falsafah**”, seperti yang

kita lihat dalam bentuk negara-negara dunia Kristian yang ada sekarang ini.

Dengan sepenuh keikhlasan dan kejujuran kita akui bahawa memang benar umat Nasrani dalam masyarakat dunia Kristian sekarang masih tetap patuh dan taat menjalankan ajaran etika agama Nasrani, akan tetapi di sebalik itu apa erti dan apa gunanya kehidupan “etika” yang tidak mempunyai kuasa hukum? Apa erti dan apa gunanya menjalankan ajaran agama secara pura-pura? Apa gunanya beragama pura-pura, tunduk, taat dan takut kepada kekuasaan zahir dan tidak takut kepada kekuasaan Tuhan yang Maha Esa?

Beragama secara pura-pura, tunduk, taat dan takut kepada kekuasaan zahir inilah yang disangkal dan ditolak oleh Islam, menyebabkan Islam bertegas menghendaki agama sebagai “dasar negara”, Islam menghendaki supaya ajaran agama menjadi pedoman hidup, menjadi tuntutan hidup dan menjadi ajaran hidup kepada segenap lapisan masyarakat negara.

Islam bertegas mengatakan bahawa melemparkan agama dari segala urusan negara bererti penolakan kekuasaan Tuhan atas segala segi hidup manusia, dan tindakan ingkar yang demikian itu akan memberi kesempatan kepada golongan manusia yang memerintah (berkuasa), untuk berbuat sewenang-wenang menindas manusia sesama manusia yang di bawah perintah.

Kesimpulannya bahawa pokok kekuasaan mutlak yang ada pada negara itu adalah kedaulatan Tuhan yang Maha Esa, yaitu “kedaulatan” yang wajib dipatuhi, ditaati oleh seluruh umat manusia, baik golongan manusia yang memerintah mahupun dari golongan manusia yang diperintah (tiada kecuali).

Kedaulatan yang menguasai negara adalah kedaulatan yang Maha Tinggi. dan kedaulatan yang Maha Tinggi itu hanyalah mutlak di sisi Tuhan. Dengan kedaulatan yang Maha Tinggi yang ada pada negara itu, maka atas nama “kedaulatan amanah Tuhan”, negara menghukum manusia dengan tidak memilih bulu dengan berdasarkan hukum Tuhan sebagai hukum agama.

Demikian itulah corak “kekuasaan negara yang dikehendaki oleh Islam... Demikian itulah corak “kedaulatan demokrasi” yang digariskan oleh Tuhan di dalam kitab suci al-Qur’ān.

Ada pun kekuasaan duniawi yang ada pada manusia sebagai “pelaksana” amanah kedaulatan hukum Tuhan, yang lazim disebut oleh penulis-penulis Barat yang “Temporal Sovereignty” dijadikan alasan oleh ahli fikir dan negarawan-negarawan Barat yang memisahkan agama dari negara, hal itu diletakkan oleh Islam dalam “Hierarchie Kenegaraan” dalam bentuk Dewan Permesyuaratan Rakyat dan dalam badan-badan kekuasaan negara lainnya.

(Bersambung)

¹ Perkataan sebenarnya adalah Opium.